

06/05/2000

Sifat peribadi unggul perlu ditanam: Dr M

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ahli Umno perlu ditiup dengan semangat baru, komitmen kepada dasar-dasar perjuangan asal serta sedar apa yang menanti mereka jika parti itu hilang kuasa.

Presiden Umno itu berkata, generasi baru yang akan mewarisi kepemimpinan negara perlu ditanam dengan sifat-sifat peribadi yang unggul seperti kewibawaan dalam segala urusan.

Malah, kata Perdana Menteri, mereka juga mesti sedia berkhidmat kepada rakyat tanpa mengutamakan kepentingan diri, menolak tipu helah dan penyebaran wang dalam merebut jawatan.

"Sifat-sifat ini boleh dipupuk dan diasuh melalui kursus latihan, tunjuk ajar dan disiplin diri. Hanya pemimpin baru yang bersemangat serta dialaskan dengan mutu terbaik dapat meneruskan perjuangan yang sudah diasaskan oleh pemimpin terdahulu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kata-kata aluan dalam laporan tahunan Umno 1999/2000 yang akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54, Khamis depan. Teks itu disiarkan melalui e-Umno, akhbar elektronik parti itu dan boleh dilayari melalui lamannya www.e-umno.net/my.

Dr Mahathir berkata, sejak penubuhannya, Umno sudah menjalankan satu dasar yang bertanggungjawab kepada rakyat yang membawa kepada pelbagai kejayaan bagi meningkatkan mutu hidup orang ramai.

Malah, katanya, apabila berlaku kegawatan ekonomi baru-baru ini, kerajaan berusaha habis-habisan bagi mengatasi krisis itu sehingga negara dapat kembali kepada keadaan sebelumnya, dengan kadar pertumbuhan yang menggalakkan.

Beliau berkata, kecaman yang tidak berasas mula reda setelah melihat keberkesanan langkah yang diambil oleh kerajaan.

"Dalam pergerakan parti, semangat asal yang berkobar-kobar menjadi kendur dan usaha yang gigih mula berkurangan setelah melalui masa yang panjang. Ahli-ahli mementingkan kemewahan, perebutan jawatan dan pangkat lebih daripada matlamat asal perjuangan.

"Umno tidak terkecuali daripada hukum ini melainkan jika tindakan diambil awal-awal lagi bagi membendung gejala yang bakal membawa kemusnahannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, setelah negara mencapai kemerdekaan, tidak ada jaminan bahawa semuanya akan berada dalam keadaan selesa atau menyenangkan.

Katanya, keamanan dan perpaduan yang dinikmati boleh hancur di tangan unsur-unsur yang tidak bertanggungjawab, yang mengasaskan tindakan mereka kepada nafsu semata-mata.

"Akhir-akhir ini, apabila kehendak mereka tidak tercapai, kecenderungan untuk mengadakan demonstrasi semakin ketara. Kerana mengganggu ketenteraman awam, kerajaan tidak boleh bersikap tolak ansur lagi terhadap perbuatan mereka. Tindakan yang tegas diambil bagi mengamankan keadaan agar ia tidak berterusan sehingga sukar dikawal.

"Dalam keadaan cabaran baru sentiasa timbul dan ketahanan kita diuji setiap masa, memerlukan sebuah kerajaan yang kuat dan jentera parti yang cekap. Dakyah pembangkang yang tidak berasas, perlu dipatahkan dan perancangan dibuat bagi memastikan masa depan terjamin," katanya.

Beliau berkata, Umno sebagai parti yang berpengalaman dalam mengendalikan hal ehwal negara sudah berjaya menjaga kebajikan rakyat dan ia akan meneruskan fungsi itu.

"Syukur Alhamdulillah kerana perwakilan dari seluruh negara dapat berkumpul sekali lagi pada Perhimpunan Agung Umno ini bagi membincangkan dasar-dasar parti dan negara serta membuat saranan untuk penyelesaian," katanya.

Mengenai pilihan raya umum November lalu, Dr Mahathir berkata Barisan Nasional (BN) berjaya mengekalkan majoriti dua pertiga pada peringkat Kerajaan Pusat di samping menguasai hampir semua Dewan Undangan Negeri (DUN).

Pencapaian itu, katanya, menolak sama sekali spekulasi dan gembur-gembur bahawa BN akan tumbang dan sebuah kerajaan baru akan ditubuhkan.

Bagaimanapun, katanya, rakyat berfikiran waras terus menyokong BN sebagai pilihan terbaik yang dapat menyambung tugas-tugas pemerintahan dan memesatkan lagi kemajuan negara.

"Dengan dasar yang sempit serta bertentangan antara satu sama lain, pakatan parti-parti pembangkang adalah rapuh dan tidak berupaya mewujudkan kemananan serta kestabilan.

"Perpecahan di dalam masyarakat akan semakin ketara yang membawa kesan-kesan buruk serta melambatkan proses pembangunan. Kejayaan yang dicapai sebelum ini tidak akan memberi makna lagi dengan pelbagai kelompok mengikut kehendak masing-masing yang bercanggah dengan kepentingan nasional," katanya.

(END)